

D559

U B184 AAB

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 9.30 MALAM INI (15 SEPT.)

-----

MAHATHIR-ISLAM

KUALA LUMPUR, 15 SEPT. (BERNAMA) -- KERAJAAN MENGUTAMAKAN PERANCANGAN YANG TELITI MENGIKUT KEMAMPUAN SENDIRI SEBELUM MELAKSANAKAN SESUATU PROGRAM KE ARAH MENINGGIKAN SYIAR ISLAM DI NEGARA INI, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

KATANYA KERAJAAN TIDAK MELAUUNG-LAUNGAN SESUATU YANG BERKAITAN DENGAN ISLAM SEMATA-MATA UNTUK MENARIK SOKONGAN RAKYAT KEPADA KERAJAAN SEBALIKNYA PERANCANGAN MENGENAI ISLAM DISERAPKAN DALAM SISTEM PELAJARAN, PERANCANGAN PEMBANGUNAN DAN BEBERAPA PROGRAM LAIN.

DALAM UCAPAN SEMPENA AWAL MUHARAM MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA, PERDANA MENTERI BERKATA PROJEK-PROJEK YANG BERLANDASKAN PRINSIP-PRINSIP ISLAM SEPERTI PENUBUHAN UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA, BANK ISLAM DAN SYARIKAT TAKAFUL DILAKSANAKAN SELEPAS MEMBUAT PERANCANGAN YANG TELITI.

+JIKA PERANCANGAN TIDAK DIUTAMAKAN, MUNGKIN KITA TERBURU-BURU MELAKSANAKAN APA SAHAJA YANG MENGGUNAKAN NAMA ISLAM YANG AKHIRNYA BOLEH MENGAKIBATKAN KEGAGALAN,+ TEGAS BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SETIAP PERANCANGAN YANG DIBUAT PERLU MENGAMBILKIRA KEUPAYAAN DAN KELEMAHAN SENDIRI SERTA MENENTUKAN PELAKSANAANNYA TIDAK DIPENGARUHI OLEH KEANGKUAN KUASA DAN NAFSU SEMATA-MATA. -- LAGI.

1519MST 15 09 85

D560

U B185 AAB

MAHATHIR-ISLAM 2 KUALA LUMPUR

+PERHITUNGAN YANG TELITI AMAT PERLU JIKA SESUATU RANCANGAN HENDAK MENCAPI MATLAMATNYA KERANA JIKA SILAP PERHITUNGAN, TERUTAMANYA JIKA DIPENGARUHI OLEH NAFSU, KEBURUKAN YANG MENIMPA ADALAH BERAT,+ TEGAS BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENARIK PERHATIAN BAHAWA PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM YANG DILAKSANAKAN KINI JUGA ADALAH MENGIKUT PERANCANGANNYA DENGAN MEMULAKAN PELAKSANAANNYA PADA PERINGKAT PENTADBIRAN KERAJAAN DAHULU.

KATANYA NILAI-NILAI ISLAM YANG DIPERKENALKAN ADALAH NILAI-NILAI YANG UNIVERSAL SUPAYA MUDAH DIFAHAMI DAN DITERIMA DI KALANGAN MASYARAKAT MAJMUK DI NEGARA INI.

NILAI-NILAI YANG DISERAPKAN UNTUK MENJAMIN WUJUDNYA MASYARAKAT MALAYSIA YANG BERDISIPLIN, BERMARUAH DAN BERTAMADUN KERANA KEADAAN MASYARAKAT SEPERTI INI SAHAJA YANG AKAN MENYELAMATKAN ORANG-ORANG ISLAM DAN KAUM LAIN, JELAS BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENASIHATI MASYARAKAT ISLAM SUPAYA DI SAMPING MENGAMALKAN PERKARA-PERKARA YANG DIWAJIBKAN OLEH AGAMA, MEREKA HENDAKLAH BERIKHTIAR DAN BERUSAHA SENDIRI DALAM APA JUA PERKARA TANPA MENYERAHKAN NASIB KEPADA ALLAH SEMATA-MATA. -- LAGI.

1521MST 15 09 85

U B186 AAB

MAHATHIR-ISLAM 3 KUALA LUMPUR

+DOA, SEMBAHYANG DAN LAIN-LAIN YANG DIWAJIBKAN PERLU DIAMALKAN, TETAPI IKHTIAR DAN USAHA MESTI ADA SELAGI KITA HIDUP, SELAGI ADA ORANG ISLAM, MASYARAKAT ISLAM DAN NEGARA ISLAM,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENINGGATI MEREKA SUPAYA MENENTUKAN SETIAP IKHTIAR DAN USAHA ITU MENGAMBILKIRA KEDUDUKAN PENGGANUT ISLAM DI NEGARA INI.

BELIAU MENARIK PERHATIAN MASYARAKAT ISLAM KEPADA PERISTIWA HIJRAH NABI MUHAMMAD DARI MAKKAH KE MADINAH YANG MENURUTNYA MEMPUNYAI PENGERTIAN YANG MENDALAM KEPADA ORANG-ORANG ISLAM.

+HIJRAH BUKAN SAHAJA BERMAKNA BERPINDAH DARI SATU TEMPAT KE SATU TEMPAT LAIN TETAPI JUGA MEMBERI PENGERTIAN MENINGGALKAN SATU PERBUATAN ATAU PEKERJAAN YANG BOLEH MEMBAWA KEBURUKAN SEBELUM KEJAYAAN DICAPAI,+ JELAS BELIAU.

KATANYA BERHIJRAH BERERTI MEMBUAT PERANCANGAN DENGAN MENGAMBILKIRA KELEMAHAN DIRI SENDIRI DAN TIDAK BERDEGIL SERTA MENGIKUT NAFSU, DAN PERISTIWA HIJRAH BANYAK MEMBERI PELAJARAN KEPADA UMAT ISLAM, MENYELAMATKAN MEREKA DAN MEMBAWA KEMAJUAN KEPADA MEREKA.

BELIAU BERKATA PERISTIWA HIJRAH MENUNJUKKAN WALAUPUN NABI MUHAMMAD DIBERI SEGALA PERLINDUNGAN OLEH ALLAH TETAPI BAGINDA JUGA DIPERLUKAN BERIKHTIAR DALAM USAHA MENGEMBANGKAN SYIAR ISLAM KETIKA ITU DAN HAKIKAT ITU HARUSLAH DIJADIKAN PANDUAN DAN PENGAJARAN OLEH ORANG-ORANG ISLAM KINI. -- BERNAMA

1524MST 15 09 85